

18 JAN 2001

HAMID OTHMAN PENASIHAT AGAMA KEPADA PERDANA MENTERI

PULAU PINANG, 18 Jan (Bernama) -- Bekas Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman telah dilantik sebagai Penasihat Agama kepada Perdana Menteri.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Abdul Hamid telah menerima surat pelantikan itu daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

"Sebagai Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri, beliau mendapat segala kemudahan seperti yang telah diperolehi selama ini sebagai menteri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di sini hari ini.

Abdullah berkata, pelantikan itu berkuatkuasa serta-merta kerana ia tidak memerlukan Abdul Hamid untuk mengangkat sumpah memegang jawatan berkenaan.

Katanya Abdul Hamid diberikan peranan yang penting dan besar yang akan memerlukan banyak masa dan perhatiannya.

Abdul Hamid meletakkan jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 15 Jan lepas. Jawatan itu akan diisi oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Brig-Jen (B) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

-- BERNAMA
SA MAI